

26 MAY 2000

Mahathir-Penerangan

PEMIMPIN BN PERLU BERI PENERANGAN KEPADA RAKYAT, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua pemimpin Barisan Nasional perlu memberi penerangan kepada orang ramai mengenai kebaikan yang dilakukan oleh BN.

Perdana Menteri berkata Ini bagi mengelakkan mereka daripada dipengaruhi parti pembangkang. PAS yang menyebarkan pelbagai dakwaan untuk membangkitkan kebencian rakyat terhadap BN.

Beliau berkata selain BN dan kerajaan, beliau sendiri juga menjadi mangsa PAS, dan yang terbaru ialah dakwaan kononnya beliau telah menghina Nabi Muhammad SAW ketika berucap pada perhimpunan agung Umno awal bulan ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata dakwaan itu tidak benar sama-sekali kerana jika beliau telah menghina Rasulullah sudah pasti lebih 2,000 anggota perwakilan parti yang menghadiri perhimpunan itu akan "boo" terhadap beliau ketika itu.

Beliau berucap pada majlis mesra dengan pemimpin parti komponen BN dalam kawasan Parlimen Kubang Pasu di sini hari ini.

Katanya, PAS semata-mata mahukan rakyat terutamanya orang Melayu menaruh perasaan benci kepada perdana menteri dan kerajaan kerana inilah cara parti itu meraih sokongan dan undi daripada rakyat.

Dr Mahathir berkata tindak-tanduk PAS telah menyebabkan BN memperolehi sokongan yang kurang ketika pilihan raya umum lepas.

Atas kesedaran itu BN akan cuba memulih kepercayaan rakyat termasuk di kalangan anggota parti komponen sendiri agar mereka menyokong semula parti, katanya.

"Dia (Pas) akan buat janji supaya orang terperangkap dan dengan itu ia (Pas) akan mendapat sokongan dan undi," katanya.

Beliau berkata dakwaan PAS bahawa ia hendak melaksanakan hukum Hudud lebih bertujuan memenuhi hasrat politik parti itu.

PAS tahu bahawa untuk melaksanakan hukum itu ia mesti mendapat kelulusan kerajaan persekutuan yang di bawah BN, katanya.

PAS mahu orang Melayu marah kepada Umno sebab tidak mahu melaksanakannya dan apabila rakyat marah, mereka akan menyokong dan memberi undi kepada parti pembangkang itu, katanya.

Dr Mahathir mengulangi bahawa kerajaan persekutuan tidak akan memberi keizinan kepada pelaksanaan hukum ala PAS itu kerana sistem yang mahu dilakukan oleh parti itu tidak mencerminkan kehendak Islam.

Dr Mahathir juga berkata PAS bersikap tidak ikhlas ketika mewujudkan kerjasama dengan parti-parti pembangkang lain seperti DAP dan Parti Keadilan Nasional semasa menghadapi pilihan raya umum tahun lepas.

Katanya, PAS yang suatu ketika dahulu enggan bekerjasama dengan sesiapa kini menjalinkan hubungan kerjasama itu semata-mata kerana mahu mendapat sokongan rakyat sedangkan ia tiada keikhlasan.

Sikap mereka itu dapat dilihat pada pilihan raya umum lepas apabila kawasan yang dianggapnya tidak selamat untuk ditandingi diberikan kepada rakan kerjasamanya, kata beliau.

Atas sikap itu PAS akhirnya dapat menjadi parti pembangkang terbesar dalam Dewan Rakyat dan Presidennya, Datuk Fadzil Noor menjadi Ketua Pembangkang, menggantikan Lim Kit Siang, Pengerusi DAP.

-- BERNAMA

ARA NMO